



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | MEDIA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Rabu, Februari 27, 2013

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS
PERKHIDMATAN

A- | A+ | ENGLISH

Berita » Pakar UPM tambahbaik program Usahawantani



SERDANG, 29 Jan – Pakar Universiti Putra Malaysia (UPM) menambahbaik pelaksanaan program inkubasi usahawantannya dengan enam pilihan modul berbanding tiga pada tahun lepas.

Enam pilihan modul itu ialah tanaman *rock melon*, akuakultur, ternakan ayam kampung, perkhidmatan makanan, perdagangan dan ekopelancongan.

Penambahan itu susulan kejayaan siri pertama program berkenaan yang menyaksikan sebanyak lapan buah syarikat persendirian dan perkongsian perniagaan berasas pertanian berjaya ditubuhkan oleh graduan program dengan salah satu daripadanya memenangi anugerah *Best Student Enterprise* 2012 baru-baru ini.



Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi Ramlan berkata berikutan kejayaan program itu pada tahun lepas, Kementerian Pengajian Tinggi telah meluluskan permohonan peruntukan kewangan tambahan kepada UPM sebanyak RM3.8 juta pada 2013 dan RM3.5 juta pada 2014 berbanding RM2.8 juta tahun lalu.

"Program yang disertai oleh 50 graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT) ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan jumlah generasi usahawan pertanian merangkumi aspek pengeluaran, pemprosesan dan perniagaantani.

"Graduan diberi tunjuk ajar setiap aspek penting dalam menjalankan perniagaan bermula daripada penyediaan kertas projek hingga ke peringkat pemantauan dan pemasaran," katanya pada ucapan perasmian program Inkubasi Usahawantani 2013 di sini.

Datuk Fauzi berkata peserta turut diajar dengan pelbagai teknik perundingan perniagaan semasa selain berkongsi pengalaman dengan pihak swasta projek pertanian melalui lawatan dan perbincangan secara *hands-on*.

Berita ini disediakan oleh Muhamad Najkhan Mazlan, 03-8946 6011 dan foto oleh Mohd Hasrul Hamdan, 03-8946 6189

